

20 AUG 2002

Khalil-BN (Bergambar)

PEMIMPIN PARTI KOMPONEN BN PERLU GUNA SALURAN BINCANG MASALAH

KUALA LUMPUR, 20 Ogos (Bernama) -- Pemimpin-pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) hari ini diminta jangan bertelagah melalui media, sebaliknya menggunakan saluran tertentu untuk membincangkan sebarang masalah.

Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob yang juga Setiausaha Agung Umno berkata pada kebiasaannya jika ada perkara yang serius, pemimpin parti komponen BN membincangkannya dalam kabinet dahulu.

"Benda-benda serius macam ini biasa menjadi bahan dalam mesyuarat kabinet," katanya ketika menjawab soalan pemberita mengenai pertelingkahan antara Presiden parti Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik dan Presiden Parti Progresif Rakyat (PPP) Datuk M. Kayveas berkaitan isu pengajaran mata pelajaran matematik dan sains dalam bahasa Inggeris yang disiarkan oleh akhbar-akhbar tempatan.

Khalil sebelum itu merasmikan pusat media bernilai RM300,000 di Pusat Konvensyen dan Pameran Antarabangsa Malaysia milik MINES Exhibition Management Sdn Bhd di Seri Kembangan dekat sini.

Khalil bagaimanapun berkata beliau tidak fikir pertelagahan antara Dr Lim dan Kayveas menjejaskan perpaduan BN dan masih banyak ruang untuk membicarakan isu tersebut.

"Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri telah berkata beliau akan mendengar sebarang pendapat mengenai isu penggunaan bahasa Inggeris dalam mata pelajaran matematik dan sains dari semua pihak," katanya.

"Jika pertelagahan menjadi terlalu keras, ia boleh dirujuk pada badan-badan yang lebih tinggi dan peringkat yang boleh menentukan dasar," katanya.

Beliau berkata jika pemimpin parti-parti komponen BN tidak memegang jawatan dalam kabinet, mereka boleh berjumpa dalam forum lain seperti yang diadakan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi pagi ini.

Abdullah, Timbalan Pengerusi BN, pagi ini mempengerusikan mesyuarat parti-parti komponen BN bagi berbincang pelaksanaan pengajaran sains dan matematik dalam bahasa Inggeris di pejabatnya di sini.

Khalil berkata isu itu juga dijangka dibincang pada mesyuarat kabinet esok.

Beliau juga berkata tiada sebarang arahan diterimanya supaya isu itu tidak dibincang secara umum, malah beliau juga belum menerima sebarang maklumat mengenai perjumpaan Abdullah dan pemimpin-pemimpin parti komponen BN.

"Saya belum mengetahui keputusannya. Saya hendak ke bangunan (Ibu Pejabat) Umno sekarang," katanya.

Mengulas kenyataan Kayveas yang dilaporkan mahu keanggotaan Gerakan dalam BN digantung kerana tidak menyokong cadangan kerajaan berhubung penggunaan bahasa Inggeris itu, Khalil berkata ia kenyataan yang berat "dalam lingkungan parti komponen" tetapi ia perlu juga dilihat dari beberapa perspektif.

Mungkin Kayveas mempunyai pandangan tertentu, dan penjelasannya perlu didengar, katanya.

Sebelum itu dalam ucapannya, Khalil berkata pusat media itu akan membantu wartawan menghantar berita tanpa perlu berulang-alik antara pejabat mereka dengan tempat liputan.

Kewujudan pusat media di MIECC amat sesuai memandangkan kawasan itu merupakan pusat persidangan, pameran, sukan dan rekreasi antarabangsa, katanya.

Pusat media itu, yang terletak di kawasan seluas 275 meter persegi mempunyai bilik persidangan, ruang rehat, bilik penyelidikan dan tempat untuk menghantar berita yang mempunyai kemudahan komputer dengan Internet yang boleh digunakan secara percuma oleh wakil media tempatan dan antarabangsa dengan hanya menunjukkan pas akhbar masing-masing.

-- BERNAMA

HK ZS NMO